



Pertanian Perbandaran - Satu Keperluan
Kajian Kes: Bandar Kuala Trengganu

PTAR I.T.M.

711.558
SUH

SEGI

.FOTOSTAT TIDAK DIBENARKAN

PERTAMANAN PERBANDARAN - SATU KEPERLUAN

KES KAJIAN : BANDAR KUALA TRENGGANU

OLEH:

SUHAIMI HAJI SULAIMAN

Satu Tesis Yang Disediakan Untuk Memenuhi Sebahagian
Dari Syarat Untuk Penganugerahan

DIPLOMA LANJUTAN PERANCANG BANDAR DAN WILAYAH

Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah
Kajian Senibina, Perancangan dan Ukur
Institut Teknologi MARA

Shah Alam.

April, 1983

PENGHARGAAN

Di dalam menyiapkan tesis ini, saya telah banyak menerima sumbangan, bantuan dan segala bentuk pertolongan yang lain. Disini ingin saya mengambil kesempatan untuk meluahkan rasa penghargaan kepada semua yang telah turut terlibat.

Setinggi-tinggi penghargaan adalah diberikan kepada Puan Kamariyah Kamsah walaupun merupakan pensyarah dari Jabatan Senibina tetapi telah berkesanggupan untuk menjadi penyelia tesis ini. Selaku penyelia tesis, beliau telah banyak memberi tunjuk ajar, dorongan dan galakan di dalam menyiapkan tesis ini. Saya juga rasa berbangga kerana mendapat seorang penyelia yang berkepakaran di dalam bidang tersebut dan begitu memahami akan masalah yang dihadapi untuk menyiapkan tesis ini.

Berikut adalah nama-nama mereka yang telah memberi sumbangan di dalam penyediaan tesis ini:-

1) Encik Ahmad Ismail

Pengurus Projek, Syarikat DME,
Kuala Trengganu.

2) Encik Jamili Ibrahim

Jabatan Perancang Bandar dan Desa,
Kuala Trengganu.

ISI KANDUNGANMUKASURAT

| | |
|---|-----------|
| Penghargaan | i |
| Isi Kandungan | iv |
| Senarai Rajah | viii |
| Senarai Jadual | viii |
| Senarai Gambar Rajah | ix |
| Senarai Sketsa | x |
| Pengenalan | xii |
| Hipotesis Am | xii |
| Hipotesis Kerja | xii |
| Objektif Kajian | xiii |
| Sekop Kajian | xiii |
| Teknik Kajian | xiv |
| 1.0 Keperluan dan Kepentingan Pertamaman | 1 |
| 1.1 Definisi pertamaman | 1 |
| 1.2 Sejarah perkembangan pertamaman | 5 |
| 1.3 Keperluan pertamaman | 13 |
| 1.4 Kepentingan pertamaman | 15 |
| 1.4.1 Pokok dan persekitaran | 16 |
| 1.4.2 Kesan-kesan fisiologi | 19 |
| 1.4.3 Kesan-kesan psikologi | 20 |
| 1.4.4 Kepentingan ekonomi | 21 |
| 1.4.5 Kepentingan nilai-nilai estetika | 22 |

PENGENALAN

Proses perbandaran di bandar-bandar telah menyebabkan pembangunan bandar berkembang dengan begitu pesat.

Perancangan bandar yang seharusnya dilaksanakan adalah bertujuan untuk mengwujudkan satu alam persekitaran perbandaran yang selesa dan menarik untuk penghuni-penghuninya melalui usaha-usaha pertamanan. Di dalam melaksanakan usaha tersebut, adalah di dapati perancangan pertamanan dibuat lebih merupakan satu 'afterthoughts'.

Keadaan ini menjadi lebih rumit apabila usaha-usaha pertamanan tersebut dilaksanakan tanpa memahami akan konsep-konsep dan rekabentuk pertamanan yang berfungsi.

Ini adalah disebabkan usaha-usaha tersebut dibuat oleh mereka yang tiada mempunyai kepakaran di dalam bidang pertamanan.

Alam sekitar perbandaran dihari ini lebih tertumpu kepada pertumbuhan alambina-alambina konkrit dan batu.

Ini adalah kerana corak pembangunan masakini lebih menekankan kepentingan ekonomi untuk memperolehi keuntungan maksima. Oleh kerana itulah, lebih banyak alambina-alambina dimajukan di dalam kawasan pusat bandar. Secara tidak langsung juga, kepentingan pertamanan diabaikan baik untuk mengekalkan pertamanan asli maupun menggabungkan unsur-unsur pertamanan di dalam pembangunan bandar.